



KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

CFM Mempelawa Maklum Balas Awam terhadap Draf Subkod untuk Memperkukuh Perlindungan Pengguna bagi Perkhidmatan Mudah Alih di Malaysia

CYBERJAYA, 13 Februari 2025 – Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) telah melancarkan satu Perundingan Awam bagi Draf Subkod Amalan Am Pengguna mengenai keperluan *Opt-in* dalam industri Komunikasi dan Multimedia demi memperkukuhkan perlindungan pengguna bagi perkhidmatan mudah alih di Malaysia.

Draf ini menyediakan garis panduan yang jelas dan mesra pengguna bagi penyedia perkhidmatan dalam bidang penting seperti **auto-migrasi, perayauan, pengebilan langsung, dan penjagaan peranti**. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa pengguna mempunyai kawalan penuh ke atas langganan perkhidmatan mudah alih mereka melalui proses Opt-in yang telus, sukarela dan termaklum.

Memperkasa Pengguna dalam Era Digital

Draf Subkod ini menekankan mengenai kepentingan ketelusan, kejelasan dan autonomi pengguna untuk melindungi mereka dalam era digital yang semakin membangun. Ia mewajibkan penyedia perkhidmatan untuk mendapatkan persetujuan yang jelas dan termaklum sebelum melaksanakan sebarang perubahan atau langganan, yang mampu memberi keyakinan kepada pengguna dalam mengurus penggunaan perkhidmatan mudah alih.

Kongsi Pendapat Anda:

CFM menggalakkan semua pihak berkepentingan, termasuk pengguna dan penyedia perkhidmatan untuk mengambil bahagian dalam perundingan awam ini dan berkongsi pandangan mereka. Pihak berkepentingan dan orang awam dijemput untuk mengemukakan maklum balas mengenai Draf Kod ini yang dipaparkan di <https://cfm.my/perundingan-awam/> sebelum atau pada jam 5 petang, 28 Februari 2025 (Jumaat) melalui emel public.consultation@cfm.my.

Usaha ini adalah untuk memastikan bahawa orang ramai (terutamanya pengguna) terlibat dan dirundingkan dengan secukupnya dalam memuktamadkan Subkod ini.

Untuk maklumat lanjut atau untuk menghantar maklum balas anda, sila layari laman web www.cfm.my.



Mengenai CFM

Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia ataupun CFM telah ditubuhkan pada 13 Februari 2001, selaras dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 98) sebagai sebuah forum industri yang memudahkan kawal selia sendiri menerusi advokasi dan melindungi hak pengguna dalam sektor tersebut. CFM diwakili pihak “bekalan dan permintaan” dalam sektor komunikasi dan multimedia yang mana pihak pembekal terdiri daripada syarikat penyedia perkhidmatan, manakala pihak permintaan pula terdiri daripada persatuan pengguna, institusi pendidikan, individu-individu yang memperjuangkan hak pengguna.

CFM juga membantu menyelesaikan aduan mengenai perkhidmatan Komunikasi dan Multimedia. Jika terdapat sebarang aduan yang tidak diselesaikan mengenai perkhidmatan Komunikasi dan Multimedia, pengguna dialu-alukan untuk mengemukakan aduan melalui:

PORTAL ADUAN	https://aduan.skmm.gov.my (integrated system with MCMC)
TALIAN MCMC CONSUMER CARE CENTRE (MCMC 3C)	1800 188 030
EMEL	aduan@cfm.my
HADIR BERSEMUKA	MCMC Tower 2, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.